




STESEN Keretapi Tanjong Pagar dipenuhi dengan orang ramai yang berkeinginan untuk menaiki kereta api pada saat-saat akhir.



TINGGAL KENANGAN. Stesen Kereta Api Tanjong Pagar selepas ini akan menjadi Monumen Negara selepas pemerintah Singapura mewartakannya pada 8 April lalu.

Oleh MAZLINA ABDUL MAJID dan IZYAN LIYANA MOHD. DARIF
 rencana@kosmo.com.my

SUASANA dan pemandangan di sekitar stesen Keretapi Tanjong Pagar pada pagi itu agak luar biasa. Lazimnya, sebaik penumpang kereta api dari Kuala Lumpur yang bertolak pada waktu malam sebelumnya tiba di stesen tersebut, kawasan itu tenang seketika selepas orang ramai menuju ke destinasi masing-masing.

Namun, pada pagi itu hampir kebanyakan meja makan di kedua-dua buah restoran di stesen tersebut dipenuhi pelanggan yang menikmati sarapan pagi sambil berbual kosong bersama teman-teman.

Bahkan, stesen berusia 79 tahun yang menghubungkan dua buah negara jiran Malaysia dengan Singapura itu dibanjiri

Memori sebuah stesen bersejarah

kosmo 30/6/2011
 MS 22

Stesen kereta api Tanjong Pagar satu-satunya stesen kereta api milik Malaysia yang 'membelah' republik Singapura kini tinggal sejarah. Stesen yang melangkaui sebuah stesen kereta api itu hakikatnya cukup signifikan dalam jalinan hubungan rakyat antara dua buah negara iaitu Malaysia dan Singapura.

oleh pihak media, orang ramai dan para pelancong yang mahu mengabadikan setiap inci sudut yang ada di stesen tersebut.

Baik pelancong mahupun penduduk tempatan Kota Singa, mereka tidak lekap dengan kamera masing-masing. Senario itu menggambarkan seolah-olah stesen Tanjong Pagar akan 'meninggalkan' mereka.

Kesayuan wajah stesen itu dapat dirasai apabila kedai yang menjual cenderamata di pintu masuk negara itu juga kelihatan kosong.

Ketika membuat tinjauan di stesen tersebut dua minggu lalu, penulis dapat menyela-

mi kesedihan yang dirasai oleh rakyat kedua-dua negara apabila tren terakhir meninggalkan stesen Keretapi Tanjong Pagar malam ini pukul 10.30. Stesen Keretapi Tanjong Pagar bakal dipindahkan ke Pusat Pemeriksaan Kereta Api Woodlands (WTCP) mulai esok.

Keputusan memindahkan stesen Tanjong Pagar itu dicapai pada pertemuan antara Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Razak dan rakan sejawatannya dari Singapura, Lee Hsien Loong di Hotel Shangri-La Hotel pada Mei 2010.

Malaysia akan juga menempatkan kemudahan kastam, imigresen dan kuarantin (CIQ) kereta apinya di WTCP.

Kedua-dua pemimpin itu bersetuju tanah yang akan dikosongkan itu akan dimajukan oleh sebuah syarikat usaha sama Malaysia-Singapura dikenali M-S Pte. Ltd.

Selain tanah KTMB di

Tanjong Pagar, Kranji dan Woodlands tiga bidang tanah tambahan di Bukit Timah yang kesemuanya berjumlah 271 hektar dan membabitkan landasan sepanjang 20 hingga 30 kilometer (km) akan diserahkan kepada syarikat berkenaan untuk dimajukan.

Antara individu yang paling terkesan dengan penutupan stesen ini adalah

STESEN ini yang memiliki senibina Neoclassical dan Art-Deco pernah dilabel sebagai bangunan Grand Central Terminal di bandar raya New York.



MOHD. AYUOB mengimbas kad pekerjaanya sebelum dia meninggalkan stesen penuh nostalgia ini buat selama-lamanya.

◀ Ketua Stesen Tanjong Pagar, Mohd. Ayoub Embong, 49. Sudah enam tahun Mohd. Ayoub berkhidmat di stesen yang dulunya dipanggil Stesen Keretapi Keppel Road.

Lelaki berkaca mata yang berdiri di tingkat tiga bangunan stesen tersebut sambil melemparkan pandangan ke arah kaunter tiket berkata :

“Selepas 80 tahun, bangunan ini tak berpenghuni lagi. Stesen ini adalah kebanggaan Malaysia di Singapura. Kami telah sebat dengan aura negara ini di Kota Singa.

Emosi terpancar

“Kita rasa rugi tapi mungkin ada keuntungannya, ada yang boleh terima (keputusan) tapi ada juga yang tak dapat terima, saya sendiri tak dapat menelah perasaan saya pada hari-hari terakhir nanti.”

Beliau termangu di kala diajak bercerita tentang memori berkhidmat di sebuah stesen yang penuh sejarah. Emosinya jelas terpancar pada wajah dan suaranya.

“Dalam tempoh enam bulan ini orang yang datang mahu membeli tiket bertali arus. Jika selama ini, ada yang tak ada hati nak naik kereta api,



MOHD. AYOUB mengakui kesedihannya sukar diungkapkan dengan kata-kata kerana Stesen Keretapi Tanjong Pagar ibarat rumah kedua baginya.

Kosmo 30/6/2011 MS 23

mural yang gah dalam bangunan.

“Kita berharap janji untuk menjadikan bangunan ini sebagai warisan kebangsaan ditunaikan,” kata seorang jurufoto amatur, Rahmat Raslan, 39.

Hari terakhir di stesen itu cukup merengsakan perasaan. Seakan enggan berpisah dengan stesen yang penuh nostalgia itu kepada rakyat kedua-dua negara, seboleh-bolehnya penulis berharap berdenyut waktu terhenti seketika.

Kereta api merajuk

Bagaikan memahami apa yang terbuku di hati, kereta api Senandung Sutera yang sepatutnya berlepas tepat pukul 10.30 malam itu tertangguh selama dua jam.

“Sudah tiga hari berturut-turut kereta api buat perangai, mungkin dia pun merajuk macam kita,” kata pemandu pada malam itu yang mahu dikenali sebagai Khairi bertungkus-lumus membaiki enjin yang meragam. Khabarnya, sejak 22 Julai lalu stesen tersebut sudah mulai sunyi sepi selepas masing-masing diarahkan berpindah.

Bahkan, pemandangan pelanggan se-

Stesen Tanjong Pagar



SELEPAS diumumkan untuk ditutup, jualan tiket di stesen ini pernah mencecah 20,000 tiket sehari.

- Tanjong Pagar yang terletak di Keppel Road dibina pada tahun 1932. Ia dirasmikan oleh Gabenor Negeri Selat, Sir Cecil Clementi Smith.
- Stesen Tanjong Pagar dibina untuk menggantikan stesen kereta api Tank Road yang dibina pada tahun 1903 dan merupakan terminal kereta api pertama di Singapura.

■ Tanjong Pagar adalah hentan terakhir jaringan pengangkutan kereta api di hujung benua Asia. Walaupun berada di tengah-tengah negara lain, stesen Tanjong Pagar adalah pintu masuk ke negara ini bagi mereka yang memilih menggunakan perkhidmatan kereta api.

■ Stesen ini juga menjadi kelangsungan pada sejarah awal perkhidmatan kereta api ke Singapura. Ia bermula apabila Sultan Johor ketika itu, Sultan



SEENISHAHUL



NORHAIZA



NORAINI

tapi pada hari-hari terakhir, mereka mahukan pengalaman menaiki kereta api,” ujar Mohd. Ayoub dengan lontaran wajah penuh kesyahduan.

Petugas kaunter juga lelah melayani barisan pelanggan yang beratur panjang sejak pukul 8 pagi setiap hari tanpa henti.

Hubungan keluarga

Ketika melewati lot kedai makanan dalam bangunan stesen, kami terdengar suara tangisan seorang wanita ketika diwawancara krew televisyen.

“Dengar tak, ada orang menangis tadi?,” kata seorang peniaga, Noraini Said Paiman, 53. Dia yang terkenal dengan menu signaturnya soto *baseball* memberitahu, Stesen Tanjong Pagar sangat erat dengan keluarganya.

“Sejak kecil, ayah bawa saya ke sini hinggalah saya sendiri buka kedai sejak lapan tahun lalu dan beroperasi selama 24 jam,” katanya.

Kerancangan perbualan tergendala tatkala diajukan pertanyaan tentang hala tujuhnya selepas ini. “Memang dah dapat tempat tapi rentaknya tidak sama seperti di sini,” ujarnya.

Sambil membancuh teh tarik, Rosnah Mamat, 45, berkata, dia seperti tidak percaya deruan bunyi semboyan kereta api Tanjong Pagar akan berakhir.

“Bayangkan kedai M.Hasan dah berusia 40 tahun, staf sudah bagaikan keluarga, pelanggan dah macam kawan,” ujarnya yang menghidangkan masakan

Bagaimanapun, atmosfera itu berubah selepas pengumuman penutupan operasi kereta api di stesen ini.

“Kami dihujani panggilan telefon dan setiap masa kaunter dipenuhi orang ramai, purata jualan sehari mencecah 20,000 tiket,” kata Norhaiza yang sudah sedekad bertugas di stesen Tanjong Pagar.

Rakan setugas, Wan Adli Wan Sulaiman, 27, sependapat dengan Norhaiza.

“Orang marah-marah pasal tiket satu perkara normal, kami tetap melayan mereka dengan baik,” katanya.

Bangunan tiga tingkat yang mendapat sentuhan pengarca tersohor Itali, Angelino Vanette sememangnya sarat dengan penataan seni yang memukau.

Bidikan lensa kamera banyak terarah kepada empat arca figura manusia setinggi 22 meter, menara jam dan lukisan

Dalam, pemandangan pelanggan setia dan penumpang kereta api menjamu selera sambil bergelak ketawa bersama teman-teman melepas lelah selepas waktu kerja di restoran-restoran di tanah Malaysia itu kini tinggal memori. Ketika kereta api terakhir yang membawa penulis dan penumpang dari Tanjong Pagar meninggalkan stesen terasa sebak yang menggamit hati.

Penulis masih berdiri di tangga kereta api sehingga wajah stesen lenyap daripada pandangan. Selepas Pulau Batu Putih, pelabuhan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Woodlands dan Istana Kampung Gelam di tengah bandar Singapura yang pesat, kita kehilangan Tanjong Pagar. Seperti harapan rakyat negara ini semoga Singapura tidak memadamkan sejarah stesen Tanjong Pagar seperti terpadamnya sejarah Temasik.



STESEN ini mendapat liputan luar biasa bukan sahaja daripada media tempatan malah pengamal media antarabangsa.

STESEN Tanjong Pagar menjadi kelangsungan pada sejarah awal perkhidmatan kereta api di kota Singa ini.

Sultan Johor ketika itu, Sultan Abu Bakar menerima permintaan British untuk membina laluan kereta api dan pembinaannya dirasmikan pada tahun 1909. Apabila berakhirnya riwayat Tanjong Pagar sebagai sebuah stesen, ini bermakna Tanjong Pagar juga menjadi penutup perkhidmatan kereta api di Singapura.


■ Pembukaan Tambak Johor pada 28 Jun 1924 menjadi pemangkin kepada perkhidmatan kereta api yang menghubungkan Singapura dengan Malaysia.

■ Stesen penuh sejarah ini satu-satunya stesen kereta api milik Malaysia yang ‘membelah’ republik Singapura.





PEMANDANGAN dari luar Pusat Pemeriksaan Kereta Api Woodlands.



PETA yang menunjukkan kedudukan Woodlands (B) di bahagian utara dan Tanjong Pagar (A) di selatan Singapura.

Woodlands hentian kereta api terbaharu

Selepas lapan dekad beroperasi di Tanjong Pagar, mulai esok perjalanan kereta api dari negara ini akan berakhir di Woodlands.

Info



Pusat Pemeriksaan Kereta Api Woodlands (WTCP)

■ Jika mengikut perancangan, pada tahun 2018, perkhidmatan rel pantas atau sistem transit pantas yang menghubungkan Woodlands dan Tanjong Puteri di Johor Bahru bakal beroperasi

MULAI 1 Julai 2011, Stesen Kereta Api Tanah Melayu Bhd., (KTMB) di Tanjung Pagar, Singapura akan berhenti beroperasi. Ayat ringkas itu termaktub dalam risalah pemberitahuan yang dikeluarkan oleh pemerintah Singapura dan diedarkan kepada para penumpang kereta api yang menjalani pemeriksaan pasport di Pusat Pemeriksaan Kereta Api Woodlands (WTCP).

Selepas tarikh tersebut, semua perkhidmatan kereta api yang tiba dan berlepas dari stesen Tanjung Pagar sebelum ini akan beroperasi sepenuhnya di WTCP. Ini bermakna penumpang kereta api dari Singapura perlu menaiki sistem pengangkutan tersebut di WTCP yang terletak di pinggir bandar di bahagian utara republik itu.

Hal yang sama juga berlaku kepada para penumpang dari Malaysia. Perjalanan menaiki kereta api tamat di WTCP.

Penutupan Stesen Kereta Api di Tanjung Pagar yang terletak di 30 Keppel Road adalah muktamad.

Pada 24 Mei tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan rakan sejawatannya dari Singapura, Lee Hsien Loong telah mengumumkan perpindahan stesen KTMB Tanjung Pagar ke Woodlands. Perkara tersebut termaktub dalam perjanjian Perkara-Perkara Yang Dipersetujui (POA), yang telah ditandatangani pada 27 November 1990.

Meskipun kesepakatan itu dipersetujui kedua-dua buah negara tetapi berita berkenaan sedikit sebanyak mengejutkan banyak pihak. Dalam pada itu, selain daripada perpindahan stesen KTMB, per-

janjian POA turut melibatkan perpindahan kemudahan Kuarantin, Imigresen dan Kastam (CIQ) Malaysia dari Tanjung Pagar ke Woodlands.



ROS LI



ASMAH

WTCP telah beroperasi sebagai stesen kereta api sejak tahun 1903. Namun, sekitar tahun 1998, ia dibina semula dan dijadikan pusat pemeriksaan bagi menyelesaikan kawalan sempadan kereta api antara Singapura dan Malaysia. Woodlands yang terletak di pinggir bandar utara Singapura bukan sekadar pangkalan yang menempatkan WTCP malah Woodlands juga merupakan sebuah hab komersial yang sibuk.

Isu semakin reda

Selain kawasan perumahan yang terdiri daripada pelbagai jenis kediaman, Woodlands turut dikelilingi pusat beli-belah terbesar, Woodlands Square, yang dibina di atas bukit. Ini termasuklah, gedung Causeway Point, Pusat Sivik Woodlands dan kemudahan pengangkutan awam seperti perkhidmatan bas dan Transit Aliran Pantas (MRT) Woodlands.

Pemindahan stesen KTMB Tanjung Pagar dan CIQ Malaysia, menutup khabar angin yang selama ini bertiup kencang.

"Sejak berlakunya insiden pertelagahan tentang perpindahan CIQ Malaysia ke Woodlands pada tahun 1998, isu perpindahan ini tidak pernah reda. Ada pihak yang memprotes dan ada juga pihak yang menyokong apabila KTMB berkeras untuk kekal di Tanjung Pagar.

"Kami tetap menjalankan pemeriksaan dokumen perjalanan dan barangan yang dibawa penumpang dari Singapura yang ingin ke Malaysia, meskipun CIQ Singapura sudah berpindah ke Woodlands

sejak 1 Ogos 1998," jelas bekas Polis Bantuan Stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Tanjung Pagar, Rosli Ismail, ketika ditemui *Kosmo!*.

Tambah Rosli, 48, yang pernah berkhidmat di Tanjung Pagar selama sembilan tahun, gara-gara enggan berpindah seperti yang diarahkan, stesen KTMB berkenaan pernah dikecam oleh kumpulan yang memprotes.

"Seingat saya, kami dan pihak polis Singapura terpaksa mengepung KTMB dan menjaga keselamatan para penumpang. Pada awal pagi stesen diserang dengan kumpulan berkenaan yang membaling bom buatan sendiri dan objek keras," imbas Rosli yang kini bertugas di JB Sentral, Johor Bahru.

Sementara itu, Hussain Ahmad, 49, memberitahu biarpun WTCP berpangkalan di bandar yang lengkap dengan pelbagai kemudahan tetapi suasananya tidak sama seperti di stesen KTMB di Tanjung Pagar.

"Boleh dikatakan setiap hari saya menikmati sajian di kafe stesen Tanjung Pagar, sementara menunggu majikan pulang dari pejabat. Kafe di sana bukan saja menjual makanan halal malah kawasan sekitarnya juga bersih dan terjaga.

"Stesen KTMB Tanjung Pagar adalah lokasi yang paling ideal untuk bertemu kawan-kawan dan menenangkan fikiran dengan melihat ragam manusia. Barangkali, suasana sebegini sukar untuk dikecapi di WTCP memandangkan sistem sekuriti di sana dikawal ketat oleh pihak pengurusan," luah Hussain warga republik itu yang bekerja sebagai pemandu peribadi.

Bagi Habibah Ahmad, 60, pemindahan stesen Keretapi Tanjung Pagar ke Woodlands ada pro dan kontranya. Dia yang menetap di Jurong, Singapura menyatakan perjalanan dari kediamannya ke

hasil kendalian Malaysia dan Singapura.

■ Bagi mereka yang memandu kenderaan sendiri perjalanan ke Woodlands perlu menggunakan Lebuhraya Bukit Timah (BKE) dan susur keluar jalan 10B. Kemudian, perlu menyusuri Woodlands Road.

■ Bagi perkhidmatan teksi, orang ramai boleh menunggu dan diturunkan di perhentian teksi di luar WTCP.

■ Perkhidmatan bas disediakan di beberapa stesen Transit Aliran Pantas (MRT) berikut:

■ Stesen MRT Woodlands: 856, 903, 911, 912, & 913

■ Stesen MRT Marsiling: 856

■ Stesen MRT Krani: 178

Lokasi

Pusat Pemeriksaan Kereta Api Woodlands

No. 11, Woodlands Crossing 738103 Singapura



MULAI esok orang ramai yang menaiki kereta api ke Singapura akan berakhir di Woodlands.





ATAS: Pelanggan setia restoran M.Hasan menjadi tumpuan orang ramai dalam tempoh enam bulan sebelum Stesen Keretapi Tanjong Pagar ditutup.

KANAN : Sate, tauhu bakar, gado-gado dan teh tarik antara menu yang boleh didapati di restoran di Stesen Keretapi Tanjong Pagar.



Mengenai tinggalan dan warisan di Stesen Tanjong Pagar, Mohd. Fazil dan seluruh warga KTMB berharap bangunan tiga tingkat tersebut akan dipulihara sepenuhnya.

Pulihara stesen

"Kami yakin kerajaan Singapura dapat melihat nilai estetikanya yang tinggi pada stesen yang penuh sejarah itu," katanya.

Baru-baru ini, pemerintah Singapura memberi jaminan bahawa pulau itu akan terus memulihara Stesen Keretapi Tanjong Pagar selepas Malaysia menyerahkan hak milik tanah kepada mereka.

Memetik kenyataan Menteri Luar Singapura, George Yeo, beliau berkata, stesen yang dibina pada zaman British menjajah kedua-dua negara terbabit akan dilindungi.

Bangunan yang terletak di kawa-

porat KTMB, Mohd. Fazil Ismail berkata, keputusan itu memperlihatkan kesediaan Malaysia menghormati wilayah dan sempadan republik itu selepas berpisah pada tahun 1965.

"Walaupun Stesen Keretapi di Tanjong Pagar telah berakhir, kita percaya operasi di WTCP akan terus mengukuhkan hubungan antara kedua-dua negara.

"KTMB melihat apa yang berlaku banyak membantu akauntabiliti KTMB, ada yang melihat perpindahan itu satu yang merugikan tapi kita memandang ke hadapan dan melihat ia daripada sudut yang positif," katanya kepada *Kosmo!* ketika ditemui baru-baru ini.

Analisis KTMB juga menunjukkan bahawa stesen di Woodlands juga berpotensi menjadi hab pengangkutan antara Malaysia dan Singapura, kata Mohd. Fazil.

"Kaunter tiket KTMB di Woodlands juga hampir siap sepenuhnya, kita lihat permintaan untuk ke sini juga

Corat-coret di Tanjong Pagar

Kunjungan terakhir

Enam bulan sebelum stesen Keretapi Tanjong Pagar ditutup, ramai yang mahu merasai pengalaman menaiki kereta api sama ada dari atau ke Malaysia dan Singapura. Papan tanda Singapura di platform dan Stesen Keretapi Tanjong Pagar antara lokasi popular pengunjung merakam foto.

Pisang goreng M.Hasan

Jika di Malaysia pisang goreng dinikmati sebagai minuman petang, tetapi di Restoran M. Hasan di stesen Tanjong Pagar orang ramai sanggup menunggu, berbaris panjang dan berebut-rebut untuk membeli juadah tersebut.

Pisang goreng di restoran stesen tersebut dijual pada waktu petang hingga lewat malam.

Lot parkir

Rakyat Singapura gemar ke stesen Keretapi Tanjong Pagar kerana kawasan itu mempunyai lot parkir yang luas.

Jualan tiket laris

Menurut pihak KTMB, tiket jualan Stesen Tanjong Pagar meningkat berkali-kali ganda sejak pengumuman penutupan stesen berkenaan. Buktinya, seawal pukul 8 pagi kaunter tiket dibuka hingga pukul 9.30 malam walaupun kaunter tiket ditutup orang ramai masih mahu berurusan membeli tiket.

Barisan yang terlalu panjang sehingga membentuk huruf U. Namun, rata-ratanya hanya mahu menaiki kereta api dari Tanjong Pagar ke JB Sentral.

Bukit Timah

Tanjong Pagar dan Woodlands sekitar 25 minit. Bezanya adalah perjalanan ke Woodlands mengambil masa akibat kesesakan lalu lintas.

Keadaan tersebut menyebabkan kos pengangkutan awam seperti teksi lebih mahal.

Sebaik mendengar berita mengenai stesen Keretapi Tanjong Pagar bakal dipindahkan, Nor Asmah Manhuri, 30, telah merancang sebuah percutian bersama keluarga.

Percutian yang dirancang pada musim cuti sekolah itu memberinya peluang membawa keluarganya ke taman tema Universal Studios.

Rasa kehilangan

"Percutian di Singapura kali ini begitu bermakna kerana kami sekeluarga menaiki kereta api dari KL Sentral Kuala Lumpur hingga ke destinasi terakhir, Tanjong Pagar.

"Selain bercuti kami ingin merakam kenangan terakhir di Stesen Keretapi Tanjong Pagar," jelas Nor Asmah dari Petaling Jaya yang berasa sebak untuk meninggalkan stesen Tanjong Pagar.

"Saya harap, jika sekali lagi saya berkunjung ke sini, wajah stesen Tanjong Pagar ini mahupun stesen di

terkunjung ke sini, wajah stesen Tanjong Pagar ini mahupun stesen di Bukit Timah tidak berubah seperti yang dijanjikan," ujar Penyelia Depoh KTMB, Jani Ismail, 53.

Harapan peminat kereta api dari Singapura, Dinie Razin, 17, yang berharap pihak KTMB mengekalkan barang-barang di stesen berkenaan sebagai kenangan orang Melayu di Singapura.

Tambah Dinie, selepas ini tiada lagi kedengaran siren kereta api yang meluncur laju di landasan yang hampir lapan dekad digunakan sebagai penghubung antara Malaysia dan Singapura.

"Kami orang Melayu di Singapura turut berasa kehilangan apabila warisan bangsa Melayu ini diambil oleh pihak pemerintah," tutur Haziq Hamidon, 21, anak kelahiran Singapura ketika ditemui *Kosmo!*.

Mengulas pemindahan Stesen Keretapi Tanjong Pagar ke Woodlands, Pengurus Kanan Komunikasi Kor-

por juga hampir siap sepenuhnya, kita lihat permintaan untuk ke sini juga memberangsangkan.

"Jadi, KTMB menjangkakan Woodlands akan terus menjadi destinasi yang akan terus dikunjungi oleh pengunjung seluruh dunia," ujar beliau.

Ditanya tentang kesahihan ura-ura mengatakan WTCP akan ditutup sekali gus menyaksikan JB Sentral menjadi stesen terakhir untuk ke Singapura, KTMB katanya tiada sebarang maklumat mengenainya.

"Kita serah sepenuhnya pada kerajaan, apa juga keputusannya, kita pasti ia membawa manfaat dan kebaikan kepada Malaysia," ujar beliau.

terbabit akan dilindungi.

Bangunan yang terletak di kawasan pelabuhan dan perdagangan ultramoden di Singapura itu akan dikosongkan pada 1 Julai 2011 melalui satu perjanjian. Perjanjian tersebut dilihat berjaya menyelesaikan pertikaian ke atas hak milik tanah antara kedua-dua negara sejak sekian lama.

"Stesen kereta api Tanjong Pagar akan dipulihara dan bakal menjadi pusat tarikan baru yang dilakukan di kawasan sekitarnya," kata Yeo ketika berucap di Parlimen Singapura tahun lalu. - MAZLINA ABDUL MAJID dan IZYAN LIYANA MOHD. DARIF

Jika sekali lagi saya berkunjung ke sini, wajah stesen Tanjong Pagar ini mahupun stesen di Bukit Timah tidak berubah seperti yang dijanjikan

Bukit Timah

Agak sukar untuk ke stesen Keretapi Bukit Timah yang terletak Bukit Timah kerana rata-rata pemandu teksi ragu-ragu membawa penumpang ke sana kerana stesen itu tidak digunakan lagi.

Sebahagian besar menyangka stesen Keretapi Bukit Timah adalah Railway Mall Bukit Timah iaitu kawasan pusat beli-belah dan deretan restoran.

Tanjong Pagar bertanda

Pemerintah Singapura sudah mula menggerakkan perancangan apabila beberapa sudut tertentu di Stesen Keretapi Tanjong Pagar sudah ditanda dengan tag berwarna.

Bagaimanapun stesen Tanjong Pagar dan di Bukit Timah akan diwartakan sebagai monumen negara dan bangunan terpelihara.

WALAUPI
operasi
Stesen
Keretapi
di Tanjong
Pagar telah
berakhir,
WTCP akan
terus
mengukuhkan
hubungan
baik antara
kedua-dua
negara.



PAPAN tanda Singapura ini menjadi lokasi kegemaran pelancong untuk merakam foto.